

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAMIL,  
16800 PASIR PUTEH,  
KELANTAN.**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
BAHASA MELAYU SPM  
2014**

**BAHASA MELAYU  
Kertas 2  
2 ½ Jam**

**1103/2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA BUKU KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.**
- 2. Jawab semua soalan.**
- 3. Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2 (c), soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.**
- 4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.**
- 5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.**

---

**[Lihat halaman sebelah]**

### **Soalan 1 :Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian tulis satu rumusan tentang **usaha-usaha untuk meningkatkan ilmu sains sukan negara dan kesan-kesannya**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Sains sukan merupakan satu cabang dalam sains yang mengkaji respons manusia terhadap aktiviti fizikal. Bidang ini merangkumi kinesiologi, biomekanik, anatomi dan fisiologi. Sains sukan bukanlah satu bidang khas yang melatih seseorang menjadi cergas dalam melakukan sesuatu aktiviti yang bertujuan meningkatkan prestasinya, sebaliknya bidang ini membantu memahami tindak balas badan manusia seperti organ, sistem saraf, sistem otot, dan tenaga dalam badan semasa melakukan sesuatu sukan.

Setiap kali atlet gagal dalam sesuatu kejohanan, tumpuan pasti **terarah kepada kegagalan** dalam psikologi, sedangkan sebenarnya kebanyakan atlet negara gagal disebabkan oleh kelemahan taktikal atlet itu sendiri.

Sedar atau tidak, banyak atlet negara menunjukkan pencapaian yang kurang memberangsangkan kerana kurang pendedahan tentang sains sukan. Atlet seharusnya mempunyai konsep kendiri dalam mendalami ilmu sains sukan untuk mempertingkatkan tahap pencapaian dalam bidang masing-masing terutamanya ketika pertandingan. Ilmu sains sukan sepatutnya didedahkan kepada atlet sejak awal lagi kerana pembinaan kekuatan asas tubuh badan dan kemahiran asas yang betul juga sepatutnya bermula di peringkat permulaan. Sejak sekolah rendah lagi, pelajar sekolah seharusnya didedahkan kepada ilmu sains sukan melalui pembelajaran subjek pendidikan seni.

Sekiranya hanya atlet di peringkat tertinggi seperti atlet kebangsaan yang didedahkan dengan ilmu sains sukan, pencarian bakat atlet yang benar-benar berkualiti akan menjadi terhad. Subjek sains sukan sepatutnya didedahkan secara menyeluruh kepada semua atlet, kerana mungkin terdapat atlet berbakat yang mampu melatih diri sendiri tanpa mengharapkan bantuan jurulatih. Usaha melahirkan lebih banyak graduan pendidikan jasmani dan pendidikan sains sukan serta penubuhan institut sukan negeri di setiap negeri perlu diteruskan, malah dipercepatkan agar tidak ketinggalan dengan negara-negara lain.

Sains sukan telah lama bertapak di Malaysia, namun masih belum dapat diaplikasikan sepenuhnya. Negara Malaysia sebenarnya ketinggalan dari segi ilmu sains sukan. Hal ini dapat dilihat melalui kualiti yang dimiliki setiap atlet pada hari ini. Malaysia harus memulakan penerapan pembelajaran dan pemahaman ilmu sains sukan sejak di peringkat sekolah lagi. Latihan yang bersistematis perlu diaplikasikan oleh atlet supaya dapat mempelajari teknik asas sukan dengan betul. Secara asasnya, konsep pendedahan latihan psikologi membantu atlet untuk berhadapan dengan situasi tegang dalam pertandingan.

Ilmu sains sukan sepatutnya didedahkan kepada atlet sejak awal lagi, begitu juga dengan pendedahan berkaitan kekuatan asas tubuh badan yang seharusnya diberi penekanan sejak awal. Kemahiran asas sukan yang betul juga sepatutnya dimulakan sejak di bangku sekolah. Sayangnya, kebanyakan pelajar sekolah sekarang lebih didedahkan dengan senaman ringan mengikut kesukaan masing-masing. Apa yang penting, subjek sains sukan sepatutnya didedahkan secara menyeluruh kepada semua atlet kerana mungkin terdapat atlet berbakat yang mampu melatih sendiri tanpa mengharapkan bantuan jurulatih.

Atlet negara sepatutnya diajar untuk lebih bertanggungjawab terhadap peranan mereka sebagai ahli sukan yang membawa nama negara ke pentas dunia, bukan hanya mengejar ganjaran semata-mata.

(Dipetik dan diubahsuai daripada “Kepentingan Sains Sukan” oleh Firdauz Razak, Dewan Masyarakat 2010)

### **Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan soalan 1, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata ‘*terarah kepada kegagalan*’ berdasarkan petikan tersebut. [2 markah]
- (ii) Mengapakah atlet gagal dalam kejohanan dan tidak menunjukkan tahap pencapaian yang membanggakan? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah masih terdapat dalam kalangan pelajar yang kurang berminat untuk melibatkan diri dalam kegiatan sukan? [4 markah]

## Soalan 2 (b)- Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PAK MAN: Assalamualaikum, Sani.

SANI: (*Terkejut lalu menoleh*) Eh, Pak Man! Waalaikumussalam. Pak Man apa khabar?

PAK MAN: (*Menyandarkan basikalnya ke tiang bangsal*) Baik-baik saja, Sani.  
(*Menghulurkan satu bungkusan kecil*) Ini, ada anak-anak ikan baharu untuk kamu.

SANI : (*Mengambil bungkusan*) Buat susah-susah saja, Pak Man.

PAK MAN: (*Senyum*) Apa susahnya Sani. Rezeki ada.  
(*PAK MAN duduk dan menggulung rokok daun*).

SANI: Banyak mengena hari ini, Pak Man?

PAK MAN: Adalah sedikit, tetapi tidaklah macam sebelum bencana Tsunami dulu. Nampaknya ikan besar-besar belum ada sangat. Mungkin dihanyutkan ombak besar, jauh agaknya.

SANI: Yalah. Kalau daratan sudah dirobekkan begitu teruk, apalagi hidupan di dalam air. Tidak begitu Pak Man? Tetapi, Sani rasa Pak Man masih bernasib baik kerana selamat.

PAK MAN: Ini semua kuasa Allah. Ombak besar itu tidak sampai ke rumah kita. Mujur ada pulau depan pantai kita. Kalau tidak, rumah kamu, rumah aku habis ranap. Kebetulan pula aku demam hari itu, tidak turun ke laut. Kalau tidak, aku sendiri tidak dapat ramal nasib aku ini, Sani. (*Menyalakan rokok daun*) Kamu cuti lama?

(Dipetik daripada Drama ‘Tiang Cengal Dinding Sayung’  
Oleh Suriani Mohd Yusof, dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*  
Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 191-192.)

- (i) Kemukakan dua sebab Pak Man mengatakan hasil tangkapannya tidak banyak.  
[2 markah]
  
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimana kita dapat membantu meringankan beban orang yang ditimpa bencana?  
[3 markah]
  
- (iii) Kemukakan **dua** nilai dalam petikan, dan **dua** nilai dalam keseluruhan drama.  
[4 markah]

## **Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Seketika kemudian laut menjadi tenang bagai air di kuali dan dapatlah geliung itu berlabuh dengan eloknya.

Setelah beberapa lama berlabuh barulah orang-orang yang mabuk tadi tersedar. Sesetengahnya terpinga-pinga sambil bertanya-tanya dimanakah mereka berada sekarang, tetapi jurumudi pula apabila tersedar segeralah dia mencabut kerisnya lalu menikam seekor ayam. Dengan kerisnya yang berlumuran darah itu pergilah dia mendapatkan Tuanku Nakhoda Tua.

“Ampun Tuanku, patiklah yang *memeliharkan geliung ini* daripada amuk Tuan Puteri Dayang Nuramah kelmarin.”

Tuanku Nakhoda Tua yang baru pulih dari mabuknya terpisat-pisat membelek-belek keris jurumudi yang penuh berdarah itu. Fikirnya sungguh juga kata jurumudi ini, kerana waktu amuk itu berlaku beta jatuh pengsan.

( Dipetik daripada “Pelayaran Penuh Peristiwa”  
dalam antologi Harga Remaja, DBP )

- (i) Berikan maksud rangkai kata *memeliharkan geliung ini* ? [2markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh jurumudi setelah tersedar daripada pengsan? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Tuanku Nakhoda Tua, bagaimanakah cara yang paling sesuai untuk membalas perbuatan jurumudi? [3 markah]

## **Soalan 2 (d) –Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### **MAHSURI**

(1)

Selendangmu mengibar di pantai  
menyambut tetamu pulau  
setiamu menjadi lagu  
nyanyian ombak pagi  
rambutmu menjadi jalur hitam  
terapung di laut malam  
air matamu dingin embun  
jatuh di tujuh telaga  
dendam tujuh keturunan  
melengkung tujuh tanjung  
putihlah pulau ini  
disimbah darah suci  
Mahsuri  
sumbah itulah yang telah menghidupkan Langkawi  
kerana tanpamu  
Langkawi tidak sebegini.

(2)

Kata orang Mahsuri tidak pernah hidup  
dia hanya bermula dengan  
khayalan seorang seniman  
pun kata orang Mahsuri pernah hidup  
tetapi bahasa seorang pencerita  
membuatnya lebih hidup daripada kehidupannya  
sastera yang mewarnai tanah air  
kerana tanpa Mahsuri  
Langkawi tidak sebegini bererti.

Mahsuri membesarkan Langkawi  
sastera membesarkan tanah air.

**Zurinah Hassan**

Antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Beri maksud rangkai kata *sumpah itulah yang telah menghidupkan Langkawi*.  
[2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas.  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah pelancong memilih Langkawi sebagai destinasi pelancongan mereka?  
[4 markah]

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

**Jawab Semua soalan**

- (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan kata di bawah ini supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.
- (i) belut -      belot  
(ii) kesal -      kesan  
(iii) luluh -      lumpuh  
[6 markah]
- (b) Tukarkan **ayat aktif** di bawah kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.
- (i) Ibu bapa perlu mengawasi anak-anak mereka supaya tidak terjebak dalam kegiatan yang kurang bermoral.  
(ii) Dia akan mengkaji spesies tumbuh-tumbuhan pelik di hutan itu sekali lagi.  
(iii) Saya tidak dapat menyelesaikan kerja-kerja itu dalam tempoh waktu yang singkat.  
[6 markah]

(c) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan bagi setiap ayat. Anda tidak perlu menyalin ayat-ayat itu semula.*

- (i) Lulusan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menjadi salah satu pra syarat untuk memasuki Tingkatan Enam.
- (ii) Langkah-langkah meningkatkan tahaf kesihatan masyarakat tidak pernah mengabaikan oleh kerajaan.
- (iii) Koperasi merupakan badan yang efektif untuk membantu bertingkat taraf hidup masyarakat.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Salmiah yang mempunyai kliniknya keseorangan merupakan anak Puan Aminah yang paling berjaya sekali.
- (ii) Senarai barang-barang keperluan yang diperintahkan kawalan harganya telah dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
- (iii) Cita-citanya untuk memanjangkan pelajaran ke universiti belum tercapai lagi oleh kerana kesempitan hidup.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam ayat-ayat tersebut.*

- (i) Setelah menerima hukuman, barulah dia sedar akan kesilapannya.
- (ii) Kalau bernasib baik, mereka akan selamat, tetapi kalau bernasib buruk mereka akan menerima kecelakaan.
- (iii) “Biarpun tinggal berjauhan, kalau ada jodoh kita akan bersama nanti,” kata Syamsul kepada Farisha.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**  
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas juga!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Sesebuah novel dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan sebab-sebab novel itu dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari,uraikan satu peristiwa yang menarik hati anda daripada setiap novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**